

# PENYELIDIKAN KUALITATIF DALAM SAINS SOSIAL

Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

## Suggested Citation:

Jasmi, K. A. (2012). Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial in *Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012* at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.

## PENGENALAN

Pengertian sains ( *science* ) yang menjadi asas dalam penyelidikan kualitatif itu adalah mengambil sempena kata asal bahasa Latin, iaitu *scientia* yang bermaksud 'saya tahu' atau definisi bahasa mudahnya sains ialah ilmu. Sains dari segi istilah dalam *Kamus Dewan Online* ( 2012) ialah kumpulan pengalaman, pengetahuan dari banyak orang kemudian dipadukan secara harmoni dan sistematik sehingga menjadi hasil yang teratur berdasarkan metode ilmiah. Berdasarkan definisi ini, sains sosial juga terangkum dalam definisi ini selagi setiap ilmu itu terhasil dalam bentuk sistematik. Lantaran itu, Sains sosial juga termasuk dalam kategori sains atau ilmu sehingga sains sosial didefinisikan sebagai cabang ilmu mengenai masyarakat yang merangkum pelbagai bidang seperti ekonomi, politik, psikologi, antropologi, dan ekonomi ( *Kamus Dewan Online*, 2012) . Hal ini demikian kerana asas utama penghasilan ilmu dan sains ialah melalui cara ilmiah, iaitu penyelidikan atau secara bukan ilmiah, iaitu daripada sumber wahyu, intuisi, dan spekulasi. Bab ini cuba mengupas asas penyelidikan dalam sains dengan mengupas ciri asas penyelidikan, kategori penyelidikan, metod kualitatif, dan rekabentuk kajian kualitatif.

# PENYELIDIKAN KUALITATIF DALAM SAINS SOSIAL\*

Kamarul Azmi Jasmi  
Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia

## PENGENALAN

Pengertian sains (*science*) yang menjadi asas dalam penyelidikan kualitatif itu adalah mengambil sempena kata asal bahasa Latin, iaitu *scientia* yang bermaksud 'saya tahu' atau definisi bahasa mudahnya sains ialah ilmu.

Sains dari segi istilah dalam *Kamus Dewan Online* (2012) ialah kumpulan pengalaman, pengetahuan dari banyak orang kemudian dipadukan secara harmoni dan sistematik sehingga menjadi hasil yang teratur berdasarkan metode ilmiah. Berdasarkan definisi ini, sains sosial juga terangkum dalam definisi ini selagi setiap ilmu itu terhasil dalam bentuk sistematik. Lantaran itu, Sains sosial juga termasuk dalam kategori sains atau ilmu sehingga sains sosial didefinisikan sebagai cabang ilmu mengenai masyarakat yang merangkum pelbagai bidang seperti ekonomi, politik, psikologi, antropologi, dan ekonomi (*Kamus Dewan Online*, 2012). Hal ini demikian kerana asas utama penghasilan ilmu dan sains ialah melalui cara ilmiah, iaitu penyelidikan atau secara bukan ilmiah, iaitu daripada sumber wahyu, intuisi, dan spekulasi.

Bab ini cuba mengupas asas penyelidikan dalam sains dengan mengupas ciri asas penyelidikan, kategori penyelidikan, metod kualitatif, dan rekabentuk kajian kualitatif.

## ASAS PENYELIDIKAN

Penyelidikan atau *research* dalam bahasa inggeris daripada dua istilah, iaitu *re* bermaksud kembali dan *search* bermaksud menemukan. *Cambridge Advanced Learner's Dictionary* (2003) dalam menjelaskan makna *research* menyatakan sebagai *a detailed study of a subject, especially in order to discover (new) information or reach a (new) understanding*. Berdasarkan ini juga Wiersma (1991) menjelaskan bahawa secara umum asas penyelidikan meliputi ciri berikut iaitu bersistematik, menghasilkan pengetahuan yang sah, bersifat objektif dan data yang empirikal.

### Bersistematik

Penyelidikan adalah bersifat bersistematik, iaitu mempunyai sistem atau kaedah yang tersusun. Hal ini bermaksud sesuatu ilmu yang terhasil mestilah daripada kajian yang dijalankan secara bersistematik.

### Menghasilkan Pengetahuan yang Mempunyai Kesahan

Secara ringkas menghasilkan pengetahuan perlu kepada empat ciri, iaitu pengetahuan yang sah, kesahan, ketekalan, dan bersifat objektif yang boleh dijelaskan seperti berikut:

---

\* Kertas kerja dibentangkan di Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012 pada 28-29 Mac 2012 di Puteri Resort Melaka anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.

- (1) Pengetahuan yang sah (*valid*) menyentuh tentang seberapa jauh hasil penyelidikan dapat diinterpretasi (dimaknai) secara tepat dan seberapa jauh hasilnya dapat digeneralisasi dan diimplementasikan pada populasi dan situasi yang lain.
- (2) Kesahan dalaman (*internal validity*) mengarah kepada ketepatan pemahaman hasil penyelidikan dan *validity* eksternal mengarah kepada penggeneralisasian hasil penyelidikan
- (3) Ketekalan dalaman (*internal reliability*) menunjukkan seberapa jauh pengumpulan data, analisis data dan pemahaman yang dilakukan penyelidikan konsisten dalam pemaknaan; realibel eksternal menunjukkan seberapa jauh pengkaji lain yang bebas dapat mengulang penyelidikan dan menunjukkan hasil yang sama dalam rekabentuk yang serupa.
- (4) Bersifat Objektif: Objektif mengarah kepada penyelidikan yang terbebas dari campur tangan atau unsur subjektif

Hal ini bermaksud pengetahuan yang terhasil adalah benar lagi mempunyai kesahan muka, ketekalan yang tinggi dan berifat tidak berubah (Wuradji, 2001: 3-4).

### **Data Empirikal**

Selain kesahan penyelidikan juga mestilah disokong oleh data empirikal, iaitu berdasarkan atau bergantung kepada pemerhatian atau eksperimen dan bukan daripada teori semata-mata.

### **KATEGORI PENYELIDIKAN**

Merujuk kepada pendapat Hogben, Charters, dan Whitney (Nazir, 1985: 29-31) jenis penyelidikan berdasarkan kepada tujuannya boleh dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu:

- (1) Penyelidikan dasar (*basic Research*) bertujuan untuk mengembangkan ilmu pengetahuan. Jenis penyelidikan ini tidak berorientasi pada hasil yang dapat dimanfaatkan dengan segera untuk memecahkan masalah yang mendesak.
- (2) Penyelidikan terapan (*applied Research*) bertujuan untuk memecahkan masalah mendesak dan hasilnya dapat dimanfaatkan dengan segera dalam kehidupan praktis. Salah satu dari penyelidikan terapan adalah penyelidikan tindakan (*action research*). Penyelidikan ini dilakukan oleh guru atau pengurus atau pertadbir bertujuan untuk bahan pengambilan keputusan dalam ruang lingkup tempatan. Penyelidikan ini tidak banyak menuntut untuk pengkaji melakukan generalisasi.

Manakala jika dilihat kepada rekabentuk metodologi penyelidikan, (Nazir, 1985; Ratna, 2004; dan Muhadjir, 2003) maka penyelidikan boleh dikategorikan kepada berikut:

- (1) Penyelidikan Ujikaji (*experiment*): Mengandaikan situasi penyelidikan di mana pengkaji setidaknya memanipulasi satu pembolehubah penyelidikan untuk mengetahui apakah terdapat hasil yang berbeda dari pengaturan atau perubahan pembolehubah bebas tersebut. Penyelidikan ini bertujuan untuk membandingkan dan mencari hubungan

sebab akibat. Karena itu penyelidikan ini juga dikenal dengan istilah penyelidikan kausal-komparatif.

- (2) Penyelidikan Perbandingan (*ex-post facto*): Pengkaji tidak berusaha mengendalikan atau mengatur atau mengawal atau memanipulasi pembolehubah bebas karena pembolehubah penyelidikannya sudah terjadi. Pembolehubah bebas tersebut biasanya muncul atau terjadi dalam setting alami. Dari pembolehubah-pembolehubah yang telah muncul secara alami tersebut, pengkaji berusaha menemukan hubungan antar pembolehubah.
- (3) Penyelidikan Tinjauan (*survey*): Mengendalikan pembolehubah penyelidikan yang dilakukan ketika penyelidikan dilaksanakan. Ciri yang membedakan penyelidikan tinjauan ini dengan penyelidikan lainnya adalah data pada penyelidikan tinjauan merupakan *current status* (*present conditions*).
- (4) Penyelidikan Pensejarahan: Merupakan kegiatan penyelidikan untuk memecahkan masalah di mana pengkaji menggali data yang telah terjadi pada masa lampau. Tujuannya untuk mendeskripsikan fakta-fakta pada masa lampau.
- (5) Penyelidikan *ethnography*: Pada umumnya dihubungkan dengan penyelidikan pada antropologi. *Ethnography* dalam penyelidikan kemasyarakatan adalah merupakan pendekatan penyelidikan yang merupakan pendeskripsian secara analitik dan mendalam tentang situasi budaya yang spesifik.
- (6) Analisis Konten (*Content analysis*): Penyelidik berusaha menganalisis dokumen untuk diketahui isi dan makna yang terkandung dalam dokumen tersebut. Macam-macam dokumen yang dijadikan data penyelidikan di antaranya: karangan tertulis, gambar, grafik, lukisan, biografi, fotografi, laporan, buku teks, surat kabar, film, buku harian, dan majalah.

Berdasarkan keenam-enam rekabentuk yang diutarakan hasil, penyelidikan boleh dirumuskan kepada dua kategori, iaitu metode kuantitatif dan metode kualitatif.

## **PENYELIDIKAN KUANTITATIF VS KUALITATIF**

Penyelidikan dalam sains sosial berasaskan kepada dua metode, iaitu metode kuantitatif dan metode Kualitatif.

### **Metode Kuantitatif**

Penyelidikan kuantitatif bermaksud jenis penyelidikan yang menggunakan rancangan pengkajian berdasarkan prosedur statistik atau dengan kata lain dari kuantifikasi (butiran mengikut jumlah unit dan angka) untuk mengukur pembolehubah (variabel) penyelidikannya.

### **Metode Kualitatif**

Metode kualitatif boleh difinisikan sebagai kaedah ini memberatkan usaha untuk mencari

dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kebanyakan kajian dalam bidang ini memberikan keterangan, interpretasi, atau makna dalam sesuatu proses komunikasi. Kaedah ini juga lebih merupakan usaha untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum tentang apa-apa saja tindakan sosial. Justeru, penyelidikan kualitatif tidak tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak. Sebaliknya, kaedah ini berusaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil (Azizah Hamzah, 2010).

Motode kualitatif juga boleh didefinisikan kepada memberikan perhatian kepada data alamiah yang berada dalam hubungan konteks keberadaannya. Landasan berpikir metode kualitatif adalah paradigma positivisme Max Weber, Immanuel Kant, dan Wilhelm Dilthey (Ratna, 2004: 47-49). Positivisme itu sendiri dalam *Kamus Dewan* (2012) sebagai satu aliran falsafah yg menganggap bahawa ilmu pengetahuan itu semata-mata berdasarkan pengalaman dan ilmu yg pasti (berlawanan dgn metafizik). Oleh itu menurut Ratna (2004), objek sosial bukan gejala sosial sebagai bentuk yang hak atau benar melainkan makna yang terkandung di balik tindakan yang justeru mendorong timbulnya gejala sosial tersebut. Dalam hubungan inilah metode kualitatif dianggap sama benar dengan metode pemahaman atau *verstehen*. Penyelidikan kualitatif mempertahankan nilai. Dalam ilmu sosial, sumber datanya adalah masyarakat sedangkan data penyelidikannya adalah tindakan-tindakan. Dalam ilmu sastera, sumber datanya adalah karya sedangkan data penyelidikannya ialah teks.

## PERBEZAAN PENYELIDIKAN KUANTITATIF DAN KUALITATIF

Penyelidikan kuantitatif dan kualitatif terdapat perbezaan yang sangat ketara dalam beberapa segi. Secara umum perbezaan ini boleh dilihat sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

**Jadual 1.1** Perbezaan antara kualitatif dan kuantitatif

Kualitatif	Kuantitatif
Memakai metode kualitatif	Memakai metode kuantitatif
Bersifat fenomenologis, iaitu Fokus pada proses dan peristiwa secara interaktif	Bersifat positivisme logik, iaitu fokus pada variabel-variabel
Observasi secara semulajadi & Bersifat bebas	Ukuran rigid & Bersifat tidak bebas
Sedikit kes dan subjek & Holistik	Banyak kes dan subjek & Partikularistik
Mementingkan realiti yang bersifat dinamis dari hasil pengkajian	Mementingkan realiti yang bersifat stabil dari hasil pengkajian
Berorientasi proses & Analisis tematik	Berorientasi hasil & Analisis statistik
Dekat dengan data: perspektif orang dalam atau penyelidik terlibat sama.	Jauh dengan data: perspektif orang luar atau penyelidik tidak terlibat.
Memakai logik induktif, iaitu Proses berpikir dari hal yg umum menuju hal yang khusus	Memakai logik deduktif, iaitu Proses berpikir dari hal yang khusus menuju hal yang umum
Membina realiti dan makna budaya	Mengukur fakta-fakta objektif

(Neuman, W. L. 2006 ; Reichardt & Cook, 1979)

Cresswell (1994) pula menjelaskan bahawa terdapat paradigma yang berbeza antara penyelidikan kualitatif dan penyelidikan kuantitatif. Hal ini ditunjukkan dalam Jadual 1.2.

**Jadual 1.2** Andaian Paradigma Penyelidikan Kuantitatif dan Kualitatif

Andaian	Pertanyaan	Kuantitatif	Kualitatif
Andaian ontologis	Apakah sifat dasar realitas?	Realiti bersifat objektif dan tersendiri, terpisah dari pengkaji	Realiti bersifat subjektif & berhubungan sebagaimana terlihat dari penglibatan pengkaji dalam kajian.
Andaian epistemologis	Bagaimana hubungan pengkaji dengan yang dikaji?	Pengkaji independen dari yang dikaji	Pengkaji berinteraksi dengan yang dikaji
Andaian aksiologis	Bagaimana peranan dari nilai?	Bebas nilai dan menghindarkan <i>bias</i>	Sarat nilai dan bias
Andaian retorik	Bagaimana penggunaan bahasa pengkajian?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Formal</li> <li>• Berdasar definisi</li> <li>• Impersonal</li> <li>• Menggunakan bahasa kuantitatif</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Informal</li> <li>• Mengembangkan keputusan</li> <li>• Personal</li> <li>• Menggunakan bahasa kualitatif</li> </ul>
Andaian metodologis	Bagaimana dengan proses pengkajian?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses deduktif</li> <li>• Sebab akibat</li> <li>• Rekabentuk statis-kategori membatasi sebelum kajian</li> <li>• Bebas konteks Generalisasi mengarah pada prediksi, eksplanasi dan pemahaman</li> <li>• Akurasi dan reliabilitas melalui validitas dan reliabilitas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses induktif</li> <li>• Faktor dibentuk secara simulasi</li> <li>• Rekabentuk berkembang- kategori diidentifikasi selama proses pengkajian</li> <li>• Ikatan konteks</li> <li>• Pola dan teori dibentuk untuk pemahaman</li> <li>• Akurasi dan reliabilitas dibentuk melalui verifikasi</li> </ul>

(Sumber: Creswell J.W. 1994: 5)

Secara ringkas lima ciri ini merupakan ciri utama metode penyelidikan kualitatif yang membezakannya dengan penyelidikan kuantitatif.

### REKABENTUK KAJIAN KUALITATIF

Bentuk kajian kualitatif ada banyak. Bagi Patton (1990) memperincikan rekabentuk kualitatif dengan bentuk persoalan asas yang menjurus kepada rebentuk masing-masing sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.3.

**Jadual 1.3** Rekebentuk kajian kualitatif dan persoalan utama terhadap rekebentuk kajian

Bil.	Perspektif	Dasar Ilmu	Pertanyaan Utama
(1)	Phenomenology	Philosophy	Apa struktur dan perkara utama pengalaman atas gejala ini bagi masyarakat tersebut?
(2)	Ethnography	Anthropology	Apa kebudayaan masyarakat ini ?
(3)	Heuristics	Psikologi Humanistik	Apa pengalaman saya mengenai gejala ini dan apa pengalaman utama bagi yang lain yang juga mengalami gejala ini secara intensif?
(4)	Ethnomethodology	Sociology	Bagaimana orang memahami kegiatan sehari-hari mereka sehingga berperilaku dengan cara yang dapat diterima secara sosial?
(5)	Symbolic interactionism	Psikologi sosial	Apa simbol dan pemahaman umum yang telah muncul dan memberikan makna bagi interaksi sosial masyarakat ?

(6)	Echological Psychology	Psikologi lingkungan	Bagaimana manusia mencapai tujuan mereka melalui perilaku tertentu dalam lingkungan yang tertentu ?
(7)	System theory	Interdisipliner	Bagaimana dan kenapa sistem ini berfungsi secara keseluruhan?
(8)	Chaos theory: non - linier Dynamics	Fisika teoritis : ilmu-ilmu alam	Apa yang mendasari keteraturan gejala yang tak teratur jika ada?
(9)	Hermeneutics	Teologi, filsafat, kritik sastra	Apa kondisi-kondisi yang melahirkan perilaku atau produk yang dihasilkan yang memungkinkan penafsiran makna ?
(10)	Oriental, qualitative	Ideologi, ekonomi politik	Bagaimana perspektif ideologi seseorang berujud dalam suatu gejala ?

Patton (1990)

Namun antara kaedah yang biasa digunakan ialah fenomenologi, etnografi, kajian kes, kajian tindakan, dan *grounded Theory* (Muhadjir,2002).

### Fenomenologi

Fenomenologi daripada dua kata akar, iaitu *phenomenon* yang bermaksud realiti yang nampak dan *logos*, iaitu ilmu. Justeru, fenomenologi adalah satu ilmu yang berorientasi untuk mendapatkan penjelasan tentang sesuatu realiti yang ada. Fenomena yang tampak adalah refleksi dari realiti yang tidak berdiri sendiri karena fenomena ini memiliki makna yang memerlukan penafsiran lebih lanjut. Fenomenologi juga sering digunakan sebagai anggapan umum untuk menunjuk pada pengalaman subjektif dari berbagai jenis dan bentuk subjek yang ditemui.

Menurut Moleong (2001) bahawa pengkaji dalam pandangan fenomenologis berusaha memahami arti *peristiwa* dan *kaitan-kaitannya* terhadap orang-orang yang berada dalam situasi-situasi tertentu. Hal ini berangkat dari arti asal kata fenomenologis iaitu 'fenomena' atau gejala semulajadi. Oleh itu, ahli fenomenologi berusaha memahami fenomena yang melingkupi subjek yang diamatinya sedemikian rupa sehingga mereka mengerti apa dan bagaimana suatu pengertian yang dikembangkan oleh mereka di sekitar peristiwa dalam kehidupannya sehari-hari.

Bogdan R.C. & Biklen S. K. (1992) pula menjelaskan bahawa fenomenologi tidak berandaian bahwa pengkaji mengetahui arti sesuatu bagi orang yang sedang dikaji oleh mereka. Inkuiri fenomenologis dimulai dengan diam. Diam merupakan tindakan untuk menangkap pengertian sesuatu yang sedang dikaji. Hal ini karena apa yang ditekankan oleh para ahli fenomenologi ialah aspek subjektif dari perilaku orang. Dengan kata lain mereka berusaha masuk ke dalam dunia konseptual para subjek yang mereka teliti dalam rangka memahami bagaimana dan apa makna yang mereka konstruk dalam setiap peristiwa dalam hidup mereka.

### Etnografi

Etnografi berasal daripada perkataan Greek, "Ethnos" yang bererti manusia, bangsa atau budaya, la sejenis kajian lapangan yang berbentuk pemerhatian yang sering digunakan dalam kajian sosiologi dan antropologi.

Menurut Sabitha Marican (2005), etnografi sebagai penjelasan bertulis mengenai sesuatu budaya tentang adat, kepercayaan, tingkah laku yang berdasarkan kepada maklumat yang dikumpulkan dari kerja lapangan, la adalah kajian deskriptif ke atas budaya, sub budaya, institusi atau kumpulan sesebuah masyarakat.

Menurut Creswell (2005), etnografi merupakan bentuk kajian kualitatif untuk menerangkan, menganalisa dan Meninterpretasi bentuk "culture-sharing" sesuatu kumpulan seperti tingkah laku, kepercayaan, bahasa, ekonomi, struktur politik, interaksi, kehidupan dan gaya dalm perhubungan. Untuk memahami "culture-sharing", seseorang pengkaji perlu meluangkan masa dilapangan untuk temubual, memantau dan mendokumentasi bagi memahaminya. Masa yang lama diambil, maka data dapat direkodkan dengan terperinci.

Ringkasnya, etnografi ialah gambaran dan belajar tentang budaya manusia dalam skala yang kecil yang saling berintraksi.

### **Kajian Kes**

Kejian kes ialah suatu penyelidikan yang dilakukan terhadap suatu kesatuan sistem, sama ada yang berbentuk program mahupun kejadian yang terikat oleh tempat, waktu atau ikatan tertentu. Kajian kes dilaksanakan untuk menghimpun data, memperoleh makna, dan memperoleh pemahaman daripada suatu kes. Proses pengumpulan data berdasarkan Cresswell (1994), iaitu mengenalpasti tapak atau individu, mendapatkan akses dan membina rekod, persampelan bertujuan, mengumpul data, merekod maklumat, menyelesaikan isu lapangan dan menyimpan data.

Kajian kes juga menurut Stake (1994), Nisbet dan Watt (1994), dan Yin (1996) sebagai merujuk kepada pengertian memilih suatu (atau mungkin juga lebih dari satu) kejadian atau gejala sosial untuk dikaji dengan menerapkan pelbagai rangkai metode pengkajian. Pengertian ini sekaligus menjelaskan bahwa kajian kes adalah mengkaji aras mikro (meneliti satu atau beberapa kes), dan kajian kes adalah strategi pengkajian yang bersifat multi-metode. Mengenai hal terakhir ini, lazimnya pengkaji kes akan menggabungkan kaedah observasi, wawancara, dan analisis dokumen.

### **Kajian Tindakan**


Kajian tindakan atau *action plan* merupakan salah satu daripada bentuk kajian kualitatif. Hal ini kerana setiap proses kajian tindakan ini terkandung aspek pengamatan guru, langkah atau perancangan yang ingin diambil, melakukan pelaksanaan, mengumpulkan data dalam bentuk pemerhatian, temubual dan analisis dokumen, seterusnya membuat menilai pelaksanaan.

Kajian tindakan dari perspektif Lewim (1948) dan Laidlaw (1992) ialah cara yang paling sesuai dalam perkembangan diri adalah melalui inkuiri diri sendiri dan hubungannya dengan orang lain. Dapatan ini akan memberi gambaran terhadap penglibatan serta pertalian antara gaya hidup, persepsi dan tingkah laku individu dengan sosial masyarakat. Tinjauan sendiri dilakukan mengikut beberapa episod dan langkah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1.


Manakala kajian tindakan pada pandangan Carr dan Kemmis (1986) sebagai suatu corak penyelidikan yang dilakukan melalui inkuiri reflektif sendiri (*self reflective inquiry*) dan dilakukan secara kolaboratif dalam satu situasi sosial yang kecil. Proses ini dilakukan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.2.

Seterusnya John Elliott (1991) juga bersetuju dengan konsep lingkaran refleksi tindakan Carr dan Kemmis (1986), namun John Elliott mendapati lebih banyak aliran tindakan dalam peringkat pelaksanaan untuk mendapat lebih banyak sokongan dan maklumat sebelum berpindah kepada lingkaran kedua. Contoh konsep ini boleh dilihat pada Rajah 1.3.






**Rajah 1.1** Proses kajian tindakan menurut Lewin (1946) dan Laidlaw (1992)



**Rajah 1.2** Proses kajian tindakan menurut Stephen Kemmis (1986)



Rajah 1.3 Kajian tindakan selepas Elliott (yang digunakan oleh Hopkins, 1985)

### ***Grounded Theory***

Kaedah umum seperti *grounded Theory* ialah kaedah yang bukan bersifat deskriptif yang digunakan untuk menentukan teori atau konsep mengenai fenomena gelagat manusia. Soalan yang perlu diberikan jawapan ialah "Apakah yang berlaku dalam fenomena ini?", "Apa masalah yang dihadapi oleh orang dalam fenomena ini?" dan "Apakah yang mereka lakukan untuk menyelesaikan masalah itu".

Isu bukti dan *validity* dalam *grounded Theory* bukanlah suatu isu yang perlu diberikan penekanan kerana ia hanya mahu menentukan suatu konsep atau teori mengenai gelagat manusia. Dalam *grounded Theory*, perbualan atau temubual tidak perlu dirakam dan tidak perlu ditranskripsikan seperti dalam pendekatan kualitatif. Pengkajiannya hanya perlu mendengar dengan teliti dan selepas perbualan dia akan menentukan dan menulis kod-kod yang memberi makna yang mungkin boleh dianalisis untuk menerbitkan teori dari data. "*All is data*" kata Glaser dan Strauss (1967). Kata-kata ini bermaksud bahawa semua yang didengar dan diperhatikan adalah data yang perlu dianalisis.

Anells (1997) menganggap *grounded theory* sebagai bentuk metodologi kualitatif yang paling komprehensif yang sedia ada. *Grounded theory* adalah salah satu daripada pelbagai

bentuk metodologi kualitatif yang memiliki bahasa dan aturan yang unik (Staruss & Crobin 2003). Straus dan Corbin menjelaskan bahawa *grounded theory* ialah:

“...one thing that is inductively derived from the study of the phenomenon it represent. It's discovered, developed, and provisionally verified through systematic data collection and analysis of data pertaining to the phenomenon

(Straus & Corbin 2003: 23)

Sumber data dalam penyelidikan ini boleh dikatakan sebagai *source of evidence*. Sumber data di dalam penyelidikan ini ialah informan, merupakan sumber bukti yang berjaya memberikan data verbal (Yin 1987) dapat diperoleh melalui cara temu bual. Selain daripada informan, dokumen nama-nama merupakan sumber bukti yang sangat penting, utama, dan strategis.

## RUMUSAN

Bab ini telah mengupas asas penyelidikan dalam sains sosial dengan mengupas ciri asas penyelidikan dari segi definisi, kategori penyelidikan, metod kualitatif, dan rekabentuk kajian kualitatif. Dalam perbincangan rekabentuk kajian, lima reka bentuk kajian, iaitu kajian Fenomenologi, Etnografi, Kajian Kes, Kajian Tindakan, dan *Grounded Theory* telah cuba dikupas secara ringkas.

## RUJUKAN

- Anells, M. 1997. *Grounded theory method, part I: Within the five moments of qualitative research*. *Nursing Inquiry*, 4(2), 120-129.
- Azidah Hamzah. 2010. Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Sosiobudaya dalam *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6 (1).
- Bogdan R.C. & Biklen S. K. 1992. *Qualitative Research for Education*. Boston: Allyn and Bacon.
- Creswell, J.W. 1994. *Research design: qualitative & quantitative approaches*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Creswell, J.W. 2005. *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. London: Prentice Hall.
- Glaser, Barney G & Strauss, Anselm L., 1967. *The Discovery of Grounded Theory: Strategies for Qualitative Research*. Chicago: Aldine Publishing Company.
- Hopkins, D. (1985). *A Teacher's Guide to Classroom Research*. Philadelphia: Open University Press.
- John Elliot. 1991. *Action Research for Educational Change*. Bristol, PA: Open University Press.
- Laidlaw, M.J. 1992. *Action Research: A Guide For Use On Initial Teacher Education Programmes*. Portland, Oregon, USA: Justine Hocking.
- Lewin, K. (1948) *Resolving social conflicts; selected papers on group dynamics*. Gertrude W. Lewin (ed.). New York: Harper & Row, 1948.
- Moleong, L.J. 1989. *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Muhadjir, Noeng. 2002. *Metodologi penelitian Kualitatif*. Yogyakarta: Rake Sarasin.
- Nazir, Moh. 1985. *Metode Penelitian*. Jakarta: Ghalia Indonesia.

- Neuman, W.L. (2006). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Toronto: Pearson.
- Nisbet, J. dan J. Watt. (1994). *Studi Kasus Sebuah Panduan Praktis*. Jakarta: PT. Gramedia Widiasarana Indonesia.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods* (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Ratna, Nyoman Kutha. 2004. *Penelitian Sastra: Teori, Metode, dan Teknik*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Reichardt, C. S., & Cook, T. D. (1979). Beyond qualitative versus quantitative methods. In T. D. Cook & C. S. Reichardt (Eds.), *Qualitative and quantitative methods in evaluation research*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Sitorus, MTF. 1998. *Penelitian Kualitatif: Suatu Perkenalan*. Bogor: Dokis.
- Stake, RE. (1995). *The Art of Case Study Research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Strauss, A. & Corbin, J. 2003. *Dasar-dasar penelitian kualitatif*. Jakarta: Pustaka Pelajar.
- Tanpa Pengarang. 2003. *Cambridge Advanced Learner's Dictionary*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Tanpa Pengarang. 2012. *Positivisme*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=Positivisme>, (23.03.2012)
- Tanpa Pengarang. 2012. *Sains Sosial*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. [http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=Sains Sosial](http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=Sains%20Sosial), (23.03.2012)
- Tanpa Pengarang. 2012. *Sains*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=Sains>, (23.03.2012).
- Wiersma, W. 1991. *Research methods in education*. 5<sup>th</sup> ed. Boston: Allyn & Bacon.
- Wilfred Carr, W. & Kemmis, S. 1986. *Becoming Critical: Education, Knowledge, and Action Research*. London: Deakin University Press.
- Wuradji, 2001. Pengantar Penelitian *Metodologi Penelitian Sastra*. (Jabrohim, ed.). Yogyakarta: Hanindita Graha Widya.
- Yin, R.K. 1987. *Case study research: Design and methods*. Beverly Hills, CA: Sage Publications.